

Perangi penghalang penerapan Islam - PM

UM 9 JUN 1986

KUALA LUMPUR 8 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyeru rakyat memerangi penghasut dan penghalang yang cuba menyekat penerapan nilai - nilai Islam yang telah dipilih sebagai panduan dan pegangan hidup di negara ini.

Serentak dengan itu beliau juga mengingatkan baha- wa terdapat pihak - pihak yang, secara halus, menghasut rakyat di negara Islam yang sedang membangun supaya mengancam kestabilan di negara masing - masing.

Perdana Menteri menegaskan, tanpa disedari, orang - orang Islam telah diperalatkan kerana kelemahan me- reka sendiri dan juga kerana negara - negara Islam ba-

nyak bergantung pada negara - negara yang mempunyai musuh Islam.

Dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri yang di- siarkan melalui RTM malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, semua ini dilakukan untuk memecah - belahkan masyarakat Islam dan menggugat lagi ketahanan me- reka yang sudah lemah.

Bila kestabilan sesebuah negara terancam, katanya, kemajuan serta ketahanannya juga akan turut musnah.

"Oleh itu, sedarilah dan jauhilah sengketa sesama sendiri, jika orang-orang Islam ingin mencapai kejaya- an," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, semua cabaran dan dugaan ini hendaklah dihadapi dengan tabah, tanpa me- nyerah kalah kepada tekanan.

"Sebenarnya, apa yang dihadapi oleh kita bukanlah seberat yang dihadapi oleh negara - negara lain.

Kita harus insaf dan ber- syukur kerana ringan be- nar tekanan terhadap ki-

LIHAT MUKA 5

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Perangi penghalang penerapan Islam

ta," ujarnya.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, akan terus ber- usaha menghadapi cabaran - cabaran tersebut dengan penuh realiti dan tekad dan beliau yakin dengan keinsafan dan kesedaran rakyat akan konsep korb- an yang diajar oleh Islam, masalah - masalah yang di- hadapi akan dapat diatasi.

Bagaimanapun, tambah- nya, semua ini bergantung pada nilai - nilai yang dia-

malkan oleh masyarakat. "Kita telah memilih ni- lai - nilai Islam sebagai panduan dan pegangan ki- ta.

"Janganlah sesiapa mengkhianati pilihan kita ini dengan melemparkan fitnah yang boleh mele- mahkan penerimaan nilai - nilai Islam kerana kita ta- hu nilai - nilai ini akan membawa manfaat kepada kita.

"Jika kita gagal, sebab- nya ialah kerana orang yang mengkhianati kita telah berjaya menyekat pe- nerangan nilai - nilai Islam dalam amalan kita," kata- nya.

Dalam pada itu, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, keadaan ekonomi negara baru sahaja menunjukkan tanda - tanda yang agak menggalakkan dengan per- mintaan untuk barang - barang keluaran kilang -

UM 9 JUN 1986
kilang elektronik telah mula bertambah.

"Peluang - peluang pe- kerjaan dalam sektor ini nampaknya semakin ce- rah. Namun demikian, ja- nganlah kita lupa akan pengalaman buruk akibat kemelesetan," katanya.

Meskipun keadaan eko- nomi menunjukkan tanda - tanda yang agak mengga- lakkan, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, barangan

utama yang penting bag ekonomi negara masih menghadapi pasaran yang lembap.

"Kerajaan sedang me- lakukan segala - galany untuk mengatasi masalah akibat daripada kejatuhan harga ini," ujar beliau.

Di samping usaha ke- rajaan, katanya, para pe- kerja pula perlu mening- katkan daya pengeluaran dan kecekapan pengurusan mereka.